

**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH DUNGUN
DI DUNGUN
DI NEGERI TERENGGANU**

DI DALAM PERKARA PERMOHONAN PENGESAHAN PERCERAIAN

PERMOHONAN NO: 11002-054-0024-2018

Di antara

XXXX

PEMOHON

KP: XXXX

Dan

YYYY

RESPONDEN

KPT: YYYY

DI HADAPAN TUAN HAKIM

HAJI HAMIDI BIN SHAFIE, P.J.K

HAKIM SYARIE MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH DUNGUN

DI DUNGUN, TERENGGANU.

PADA HARI : AHAD 28 JANUARI 2018

BERSAMAAN : 11 JAMADIL AWAL 1439 H.

Bidangkuasa Mahkamah.

Dalam mengendalikan sesuatu kes yang dikemukakan dihadapannya, Mahkamah/Hakim Bicara adalah tertakluk kepada bidangkuasa yang diberi kepadanya. Bermaksud, seseorang Hakim yang dilantik bagi mendengar atau memutuskan sesuatu perbicaraan yang dibawa kehadapannya adalah tertakluk kepada kuasa/tauliah yang diberikan kepada beliau, dalam konteks hari ini diberikan oleh pemerintah dan undang-undang.

Dari sudut undang-undang, saya berpuas hati bahawa saya diberi bidangkuasa untuk membicarakan dan memutuskan kes ini seperti mana yang diperuntukkan dalam Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, Bahagian III Perlantikan Hakim Dan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah, Seksyen 12 - Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah. Peruntukan tersebut menyebut :-

(1) Sesuatu Mahkamah Rendah.....

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah-

(a) dalam bidang kuasa kuasa jenayahnya.....

- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian).**

Peruntukan di atas dibaca bersama Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, Bahagian III Perlantikan Hakim Dan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah, Seksyen 11 - Bidang Kuasa Mahkamah Tinggi Syariah;

(1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah

Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Hakim Syarie boleh

(2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan-

(i) pertunangan, perkahwinan, ruju' , perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;

(ii) apa-apa pelupusan.....

Berdasarkan peruntukan- peruntukan di atas, saya berpuashati bahawa saya selaku Hakim Mahkamah Rendah mempunyai kuasa yang sah di sisi undang-undang untuk mendengar dan membuat keputusan dalam kes ini.

Secara khusus berkenaan jenis kes yang dikemukakan oleh Pemohon, permohonan ini iaitu permohonan pengesahan perceraian diperuntukkan di bawah Seksyen 42, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang menyebut:

Seksyen 42. Takat kuasa untuk membuat sesuatu perintah.

Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata, tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini membolehkan Mahkamah membuat sesuatu perintah perceraian atau perintah mengenai perceraian atau membenarkan seseorang suami melafazkan *talaq* kecuali-

(a) jika perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen ini; atau

(b) Jika perkahwinan itu telah dilangsungkan mengikut Hukum Syara'; dan

(c) jika pemastautinan salah satu pihak kepada perkahwinan pada masa permohonan itu diserahkan adalah dalam Negeri Terengganu.

Berdasarkan peruntukan di atas, saya berpuashati bahawa permohonan ini telah memenuhi peraturan syarat yang ditetapkan dibawah sub-Seksyen (a) dimana perkahwinan pihak-pihak telah didaftarkan oleh Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk Daerah Dungun, Terengganu dengan dikeluarkan Surat Perakuan Nikah Bilangan : 11-0201-2017-1293306. Saya juga berpuashati bahawa permohonan ini juga telah memenuhi peraturan dibawah sub-Seksyen (c) dimana semasa permohonan ini didaftarkan, Pemohon adalah bermastautin di dalam Negeri Terengganu iaitu di alamat No. B 32/9, Kg. Paya Balai Besar, 23000 Dungun, Terengganu.

Peruntukan Hukum Syara'

Perceraian disisi Hukum Syarak merupakan suatu hakikat takdir yang tidak dapat dielakkan oleh sesetengah pasangan suami isteri. Ini kerana perbalahan dan pertikaian di antara pihak-pihak yang bergelar suami isteri tidak akan pernah sunyi dan sesetengahnya menjadi terlalu kritikal sehingga tiada kompromi antara pihak-pihak sehingga memerlukan pihak-pihak berpisah. Ketika inilah terzahirnya hikmah bahawa Hukum Syarak membenarkan perceraian di antara pasangan suami isteri jika ternyata bahawa telah tiada *mawaddah* dan *rahmah* antara mereka berdua untuk meneruskan hidup sebagai pasangan suami isteri.

Talak menurut pengertian bahasa berasal dari **الأطلاق** : **الارسال** yang bermaksud melepaskan, meninggalkan atau melepaskan ikatan perkawinan. Sedangkan menurut istilah, *talak* adalah melepaskan ikatan perkawinan atau putusny hubungan suami isteri dengan mengucapkan secara sukarela ucapan *talak* (oleh suami) kepada isterinya, dengan kata-kata yang jelas (*soreh*) atau dengan sindiran (*kinayah*).

Di antara firman Allah mengenai keharusan perceraian ialah seperti firman Allah dalam Surah al-Baqarah, ayat 229 yang bermaksud:

Artinya: "Talak (yang dapat dirujuk) dua kali. Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik".(Q.S.al-Baqarah/2 : 229)

Artinya : kemudian jika si suami mentalaknya (sesudah Talak yang kedua), Maka perempuan itu tidak lagi halal baginya hingga Dia kawin dengan suami yang lain. kemudian jika suami yang lain itu menceraikannya, Maka tidak ada dosa bagi keduanya (bekas suami pertama dan isteri) untuk kawin kembali jika keduanya berpendapat akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah. Itulah hukum-hukum Allah, diterangkan-Nya kepada kaum yang (mau) mengetahui. (Q.S. al-Baqarah/2 : 230)

Artinya: "Hai nabi, apabila kamu menceraikan Istri-istrimu Maka hendaklah kamu ceraikan mereka pada waktu mereka dapat (menghadapi) iddahnya (yang wajar) dan hitunglah waktu iddah itu serta bertakwalah kepada Allah Tuhanmu.(Q.S. at-Thala/65 : 1)

Alasan keputusan

Di dalam kes ini Pemohon telah memfailkan permohonan untuk mengesahkan adakah telah berlaku perceraian di antara beliau dengan suami/Responden.berdasarkan keterangan Pemohon semasa perbicaraan, Pemohon mendakwa bahawa pada November 2017, bertempat dirumah kelamin pihak-pihak yang juga

merupakan rumah nenek Responden di Felda Loh Heng Timur, Kota Tinggi, Johor, pada jam sekitar 7 pagi lebih, Responden ada melafazkan ke atas beliau lafaz cerai berbunyi *“kalau awak balik ikut mok ayah awak, jatuh satu talak”*.

Menjelaskan punca kejadian Responden melafazkan cerai tersebut, Pemohon mendakwa ketika itu ibu Responden sendiri telah menghubungi nenek Responden dan memberitahu beliau dan ibu bapa Pemohon mahu datang melawat pihak-pihak. Pemohon percaya kemungkinan juga ibubapa Pemohon datang bertujuan untuk mendapatkan kepastian mengenai barang kemas milik Pemohon kerana tiada dalam simpanan Pemohon. Selepas hasrat ibu Responden dan ibu bapa Pemohon tersebut dimaklumkan kepada Responden, Responden telah melafazkan lafaz cerai tersebut.

Pemohon mendakwa selepas itu, nenek Responden telah meminta ibu Responden dan ibu bapa Pemohon supaya jangan datang sebab bimbang berlaku perkara yang tidak diingini sekiranya ibu bapa Pemohon mempersoalkan tentang kedudukan barang kemas milik Pemohon yang telah tiada dalam simpanan Pemohon ketika itu. Menjawab soalan Mahkamah, Pemohon mendakwa sebenarnya barang kemas tersebut telahpun dijual oleh Defenden tanpa pengetahuan ibu bapa Pemohon. Berdasarkan permintaan nenek Responden tersebut, ibu Responden dan ibu bapa Pemohon membatalkan hasrat untuk datang melawat pihak-pihak ketika itu.

Menjawab soalan Mahkamah, Responden mengesahkan keterangan Pemohon bahawa beliau ada melafazkan sedemikian kerana dibimbangi apabila ibu bapa Pemohon datang dan bertanyakan mengenai kedudukan sebenar barang kemas tersebut, akan berlaku perselisihan faham antara pihak-pihak termasuk antara Responden dengan ibu bapa Pemohon dan kemungkinan Pemohon akan membuat keputusan meninggalkan Responden dan mengikut ibubapa balik ke Terengganu. Ini kerana ketika menjawab lebih lanjut soalan Mahkamah, pihak-pihak mengakui bahawa ketika itu hubungan mereka telah berada dalam keadaan yang kurang baik.

Persoalannya ialah adakah telah jatuh talak apabila Responden melafazkan lafaz berkenaan iaitu *““kalau awak balik ikut mok ayah awak, jatuh satu talak”*.

Berdasarkan lafaz yang tersebut, lafaz berkenaan merupakan perceraian secara *taklik*. Cerai taklik merupakan perceraian yang berlaku disebabkan berlakunya sesuatu perkara yang digantung (ditaklikkan) kepada perceraian, tanpa mengira sama ada perkara yang digantungkan itu berkait dengan kelakuan manusia (suami, isteri atau pihak lain) ataupun sebaliknya seperti masa, keadaan dan sebagainya.

Walaupun terdapat pihak-pihak yang berpendapat perceraian secara taklik adalah tidak sah namun Juhur Fuqaha (Hanafi, Syafii, Maliki dan Hambali termasuk Ibnu Jarir, Ibnu Rusyd dan al-Tabari) berpendapat cerai taklik adalah sah, tanpa mengira lafaz tersebut benar-benar bertujuan menceraikan isteri atau sebaliknya seperti sumpah yang bukan bertujuan menceraikan isteri. Ia kerana lafaz cerai taklik berbentuk semata-mata bertujuan untuk menghalang isteri daripada melakukakn perkara yang tidak disukai oleh suami atau bertujuan untuk mendisiplinkan isteri.

Untuk itu boleh jadi suami melafazkan berbentuk menghalang / menegah isteri melakukan perbuatan yang tidak disukai oleh suami seperti “jika engkau keluar rumah tanpa izin aku, tertalak engkau dengan talak satu”, boleh jadi juga suami melafazkan “jika engkau berpakaian tidak menutup aurat ketika keluar bekerja,

jatuhlah talak satu”, boleh jadi juga suami melafazkan “jika bapa engkau terus menuduh aku melakukan perbuatan tersebut, jatuhlah talak atas engkau” dan sebagainya seperti “hari khamis minggu depan, jatuhlah talak satu ke atas engkau” dan sebagainya.

Antara hujah golongan yang menerima perceraian secara taklik adalah berdasarkan firman Allah yang bermaksud “ Wahai orang-orang yang beriman.. sempurnakanlah janji-janji kamu” yang mempunyai pengertian yang luasa merangkumi juga janji untuk menceraikan isteri dengan berlakunya sesuatu perkara yang dijanjikan (ditaklikkan).

Juga berdasarkan hadis nabi SAW yang berbunyi “Orang-orang Islam terikat dengan janji-janji mereka” yang membawa erti, seseorang suami yang berjanji (bertaklik) adalah terikat dengan janji (taklik) yang dibuat.

Seterusnya berdasarkan logik akal bahawa kuasa talak secara sepenuhnya/mutlak adalah ditangan suami dan oleh itu mereka bebas menceraikan isteri mereka sama ada secara serta merta atau dengan cara bertaklik.

Dan akhirnya berdasarkan fatwa sahabag dimana perceraian secara taklik pernah berlaku pada masa sahabi dan mereka memfatwakan dengan jatuh talak sekiranya berlaku perkara yang ditaklikkan.

Pendapat yang menerima keesahan berlaku perceraian secara taklik juga bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud “tiga perkara yang jika dilakukan secara sungguh-sungguh, akan dikira sungguh-sungguh dan jika dilakukan secara main-main, tetap akan dikira sungguh-sungguh, iaitulah nikah, talak dan rujuk”. Oleh sebab itulah, lafaz cerai walaupun secara gantung (taklik), tetap dikira sah.

Sehubungan itu, bagi menentukan adakah berlakunya perceraian antara Pemohon dan Responden dalam kes ini, hendaklah diambil kira adakah telah berlaku perkara yang digantung (ditaklikkan) oleh Responden iaitu “*kalau awak balik ikut mok ayoh awak, jatuh satu talak*”. Berdasarkan keterangan Pemohon dan Responden, pihak-pihak mengakui bahawa selepas nenek Responden meminta ibu Responden dan ibu bapa Pemohon supaya tidak datang, ibu Responden dan ibu bapa Pemohon telah membatalkan hasrat mereka dan tidak ada datang melawat/berjumpa dengan Pemohon/pihak-pihak. Sekaligus menunjukkan tidak berlaku perkara yang digantung oleh Responden iaitu Pemohon ikut balik ibu dan bapa Pemohon (ke Terengganu). Sehubungan itu setakat ini Mahkamah berpendapat adalah tidak jatuh talak antara pihak-pihak kerana tidak berlaku pelanggaran lafaz cerai secara taklik tersebut.

Mendengar lebih lanjut keterangan Pemohon dan Responden, Pemohon mendakwa selepas kejadian lafaz cerai secara taklik tersebut (November 2017), pada Januari 2018, ibu dan bapa Pemohon secara mengejut tanpa memberitahu kepada pihak-pihak telah datang melawat pihak-pihak di Johor. Dalam pertemuan tersebut, tidak ada berlaku apa-apa perkara yang tidak diingini khususnya berkaitan persoalan kedudukan barang kemas milik P tersebut. Kemudian ibu bapa Pemohon telah pulang ke Terengganu namun Pemohon selepas itu telah menghubungi ibu bapa beliau supaya datang mengambil beliau dan Pemohon telah bertindak mengikut ibu bapa Pemohon pulang ke Terengganu dan tinggal bersama ibu bapa sehingga sekarang.

Disini sekali lagi timbul persoalan sekali lagi adakan tindakan Pemohon mengikut ibu bapa Pemohon pulang ke Terengganu dikira melanggar lafaz cerai secara taklik yang dilafazkan oleh Responden sebelum itu (pada November 2017) sekaligus menggugurkan talak ke atas Pemohon.

Dalam memutuskan persoalan jatuh atau tidak talak dalam perceraian taklik apabila berlaku pelanggaran syarat, perkara penting yang perlu juga di ambil kira ialah “sifat” terhadap syarat tersebut, dengan kata lain kehendak sebenar ke atas zahir syarat yang disebut/dilafazkan oleh suami dalam lafaz cerai taklik tersebut. Kitab *Syarqowi ‘alat Tahrir Juz II, halaman302;*”⁵ ada menyebut ertinya; “*Barang siapa menggantungkan talak dengan suatu sifat. Maka jatuhlah talak tersebut dengan wujudnya sifat tersebut sesuai bunyi lafaznya*”.

Dalam kes ini, telah difahami bahawa pada November 2017, Responden telah melafazkan cerai taklik ke atas Pemohon dengan lafaz “*kalau awak balik ikut mok ayoh awak, jatuh satu talak*”. Berdasarkan keterangan pihak-pihak khususnya Responden, beliau melafazkan lafaz tersebut kerana dimaklumkan oleh nenek beliau bahawa ibu beliau dan ibu bapa Pemohon mahu datang melawat beliau dan Pemohon. Ketika itu beliau bimbang sekiranya ibu bapa Pemohon datang, ibu bapa Pemohon akan turut bertanyakan kedudukan barang kemas milik Pemohon yang telah dijual oleh Responden tanpa pengetahuan ibu bapa Pemohon. Sehubungan itu Responden bimbang akan berlaku pergaduhan antara beliau dengan ibu bapa Pemohon termasuk dengan Pemohon sendiri dan menyebabkan Pemohon bertindak mengikut ibu bapa Pemohon pulang ke Terengganu.

Oleh yang demikian, “sifat” atau apa yang dimaksudkan dalam lafaz Responde ketika itu yang berbunyi “*kalau awak balik ikut mok ayoh awak...*” adalah merujuk kepada jika Pemohon bertindak mengikut ibu bapa Pemohon pulang ke Terengganu jika ibu bapa Pemohon datang pada bulan November 2017 tersebut sahaja. Lafaz tersebut tidak bermaksud bahwa Responden secara mutlak mengatakan bahawa jatuh talak ke atas Pemohon jika Pemohon bertindak mengikut ibu bapa pulang pada masa-masa yang lain/seterusnya, termasuk dalam kejadian Pemohon bertindak menghubungi ibu bapa Pemohon supaya datang mengambil beliau setrusnya Pemohon mengikut ibu bapa Pemohon balik ke Terengganu pada bulan Januari 2018.

Sebagai contoh perbandingan utk memberi lebih penjelasan, diandaikan berlaku pergaduhan/pertengkaran antara suami dan isterinya disebabkan si isteri tidak suka/tidak dapat bertahan dengan sikap si suami menghisap rokok sehingga sanggup mengambil keputusan untuk bercerai. Melihat kepada tekad si isteri, si suami akhirnya mengalah dan bersetuju untuk berubah sikap dengan tidak lagi merokok dan sebagai menguatkan tekadnya sebagai usaha memujuk si isteri, si suami telah melafazkan cerai secara taklik dengan lafaz “*abang tak akan **sentuh** rokok lagi selepas ini... kalau abang **sentuh** rokok lagi selepas ini, jatuhlah talak satu atas awak*”.

Perkataan yang digunakan si suami utk menunjukkan tidak akan merokok lagi selepas itu dalam lafaz cerai taklik tersebut adalah “*tak akan sentuh*” bukannya “*tak akan merokok*”. Sehubungan itu difahami secara zahirnya bahawa syarat untuk dikira jatuh talak dalam lafaz tersebut ialah jika si suami “*sentuh*” rokok walaupun tidak merokok/menghisap rokok. Andaikan sekiranya dalam satu keadaan, majikan si suami telah meminta si suami menghulurkan kotak rokok (milik majikan) kepada beliau (majikan) dan si suami atas dasar hormat telah menyentuh/memegang dan memberikan kotak rokok tersebut kepada majikannya. Persoalannya adakah telah jatuh talak disebabkan perbuatan si suami itu menyentuh/memegang kotak rokok tersebut walaupun tidak merokok/menghisap rokok?

Pastinya berdasarkan punca kejadian asal si suami melafazkan lafaz cerai taklik tersebut, menyentuh/memegang rokok bukanlah sifat sebenar syarat yang dimaksudkan oleh si suami semasa melafazkan lafaz cerai tersebut sebaliknya di maksudkan sebagai merokok/menghisap rokok. Oleh yang demikian tindakan si suami ketika itu telah menyentuh/memegang kotak rokok dan menyerahkan kepada majikannya tidak menyebabkan jatuh talak ke atas isterinya.

Sehubungan itu berbalik kepada kes ini, saya berpendapat bahwa tindakan Pemohon bertindak mengikut ibu bapa Pemohon pulang ke Terengganu pada bulan Januari 2018 adalah tidak menggugurkan talak ke atas beliau kerana tidak termasuk dalam ruang lingkup syarat dan sifat lafaz taklik yang dilafazkan oleh Responden pada bulan November 2017. Sehubungan itu juga saya berpendapat tidak berlaku perceraian antara pihak – pihak dan pihak – pihak kekal sebg pasangan suami isteri yang sah menurut Hukum Syarak.

KEPUTUSAN

SAYA SABIT tidak berlaku perceraian antara Pemohon, **XXXX**, KP: **XXXX** dengan Responden, **YYYY**, KPT: **YYYY**. Sehubungan itu, SAYA HUKUM pihak-pihak masih pasangan suami isteri yang sah menurut Hukum Syarak